

## KHUTBAH JUMAAT

### “MENSYUKURI NIKMAT KEMERDEKAAN” (25 Ogos 2023M/ 08 Safar 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Mohon kepada para Jemaah memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat. Marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk : '**Mensyukuri Nikmat Kemerdekaan**'.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Minggu hadapan pada tanggal 31 Ogos 2023 negara kita akan menyambut ulang tahun kemerdekaan yang ke-66. Ia merupakan satu nikmat yang besar dan harus disyukuri serta dihargai kerana keamanan dan kemakmuran yang dikecapi pada hari ini.

Kemerdekaan ini, bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai kerana generasi terdahulu yang terdiri daripada para pejuang telah mengorbankan seluruh jiwa dan raga mereka dalam memperjuangkan kemerdekaan tanah air tercinta. Sebagai tanda kesyukuran, kita hendaklah menghargai jasa para pejuang negara dengan memastikan keamanan dan kemakmuran yang dikecapi ini berkekalan.

Bagi menterjemahkan rasa syukur ini, kita hendaklah berusaha menjadi ummah yang taat dengan melaksanakan amar ma'ruf dan nahi munkar bagi meraih keberkatan dan pertolongan Allah *subhanahu wata'ala* sebagaimana firman-Nya dalam Surah *al-Haj* ayat 41:

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا  
بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ

*Maksudnya: "Iaitu orang (Islam) yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi nescaya mereka mendirikan solat, menunaikan zakat, menyuruh berbuat makruf dan mencegah daripada perbuatan mungkar. Dan ingatlah kepada Allah jua kembali segala urusan". (Al-Haj ayat 41)*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Di bumi bertuah inilah, kita semua dibesarkan, bermain bersama rakan-rakan, menuntut ilmu, mencari nafkah dan sebagainya. Jika kita tidak menjaganya, kepada siapa lagi yang akan diharapkan?

Cintanya kita kepada tanah air kita ini adalah sebagaimana cintanya Rasulullah *sallallahu alaihiwasallam* terhadap tanah kelahirannya, iaitu Kota Mekah. Ianya dapat dilihat dari ungkapan kerinduan Baginda terhadap tanah tumpah darahnya yang bermaksud:

*“Demi Allah! Sesungguhnya kamu (Kota Makkah) adalah sebaik-baik tanah Allah, dan tanah yang paling dicintai oleh Allah, seandainya aku tidak diusir darimu, nescaya aku tidak akan keluar (darimu)”.*

*(Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi)*

Kecintaan terhadap negara terbukti dengan kesungguhan Baginda dan para sahabat mempertahankan negara menerusi piagam Madinah sebagai manifestasi kesatuan dalam kepelbagaian yang sewajarnya diteladani. Sebagai rakyat Malaysia yang cintakan negaranya, kita hendaklah terus kukuh, saling membantu dan saling menghormati supaya kerukunan hidup terpelihara seterusnya mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu, stabil lagi teguh.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Perpaduan merupakan perkara yang amat dituntut manakala perpecahan merupakan perkara munkar yang sangat ditegah. Ia bukanlah sekadar retorik yang bersifat luaran, tetapi merupakan ukhuwah Islamiyah yang terjalin dengan keimanan yang kukuh kepada Allah. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hujurat, ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

*Maksudnya: "Sesungguhnya orang yang beriman itu bersaudara, maka damaikanlah antara kedua-dua saudara kamu (yang bertelingkah) dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat". (Al-Hujurat ayat 10)*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Bagi mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan rakyat, ketika ulang tahun kemerdekaan Malaysia Ke-13 iaitu pada 31 Ogos 1970, Rukun Negara diisytiharkan. Rukun Negara kita yang pertama dan utama iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan adalah teras dan sememangnya menjadi fitrah bagi setiap manusia untuk menyembah Tuhan yang menciptakan seluruh alam.

Bagi umat Islam, kita meyakini bahawa Allah *subhanahu wata'ala* adalah Tuhan yang mencipta dan mentadbir seluruh alam ini. Dialah Tuhan yang menganugerahkan panduan dalam menjalani kehidupan di dunia iaitu kitab Al-Quran dan Sunnah Rasul-Nya. Maka segala pengabdian dan penghambaan hanya kepada Allah dan inilah pegangan akidah kita yang berlandaskan kepada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Rasa kehambaan ini akan menyingkirkan segala sifat mazmumah iaitu sifat tercela seperti sombong, takabbur, dengki, pamarah dan lain-lain sifat negatif dalam diri manusia sebaliknya akan menumbuhkan sifat-sifat mahmudah iaitu sifat terpuji seperti jujur,

pemurah, belas kasihan, bertolak ansur, bertanggungjawab dan lain-lain lagi sifat positif.

Setiap warga sama ada pemerintah atau rakyat keseluruhannya perlu peka akan perkara ini demi memelihara keimanan, jati diri anak bangsa dan kelangsungan generasi yang mewarisi kita yang bakal mempertahankan dan memperkasa tanah air berdaulat ini.

### **Kaum muslimin yang berbahagia,**

Antara perkara utama yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan kita berdasarkan khutbah yang disampaikan pada hari ini ialah:

**Pertama** : Kecintaan kepada negara adalah sunnah Rasulullah *sallallahu alaihiwasallam* dan Piagam Madinah menjadi manifestasi kecintaan kepada negara serta modul terulung dalam membina kesatuan dalam kepelbagaian agama dan bangsa.

**Kedua** : Memelihara perpaduan dan kesatuan adalah tanggungjawab setiap individu dalam menjamin kehidupan yang stabil dan sejahtera dengan menjadi hamba Allah yang taat, melaksanakan amar ma'ruf dan mencegah kemungkaran.

**Ketiga** : Kepercayaan kepada Tuhan memandu kebebasan manusia menerusi syariat Allah *subhanahu wata'ala* dalam menjalani kehidupan di dunia. Ianya akan memupuk kestabilan, keharmonian dan kasih sayang sesama makhluk.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Ali-Imran, ayat 104:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ  
الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

*Maksudnya: "Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (menyebarkan Islam, dan menyuruh melakukan segala perkara yang baik (makruf) dan mencegah daripada segala perkara yang buruk dan keji (mungkar). Dan mereka itulah orang yang berjaya". (Ali-Imran 104)*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا  
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Tuan Yang Terutama Pemangku Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit



dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ  
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.